

# LAPORAN TAHUNAN 2020



“Memperkasa Pengajar Kemahiran Malaysia”

Cabaran Norma Baharu Latihan TVET



PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAST)

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

# LAPORAN TAHUNAN 2020

*Versi Digital*

*diterbitkan Jun 2021*

# **PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN**



***CIAST***

Centre For Instructor And Advanced Skill Training

# **SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN 2020**

## **PENASIHAT**

Dr. Mohamad Bin Sulaiman K.M.N

## **KETUA EDITOR 1**

En. Jamil Bin Yahya

## **KETUA EDITOR 2**

En. Mohammad Ghazali Bin Udin

## **EDITOR**

En. Muhammad Nooradzam Bin Adam

## **GRAFIK Team Media CIAST**

## **PENGARANG**

En. Ahmad Mashudi Bin Alpiah  
Pn. Azua Binti Aripin  
En. Baharil Ihzan Bin Onn  
En. Ganesan A/L Murugesu  
En. Hairul Nizzat Bin Bahrin  
Pn. Hamimah Binti Mamat  
Pn. Hamidatul Zakiah Binti Ismail  
Pn. Marina Binti Sukor  
Pn. Marsita Binti Abd Kadir  
En. Mohd Asrofi Bin Muslim  
Ts. Mohd Azrul Bin Jaafar  
En. Mohd Zamri Bin Abdul Hamid  
En. Mohd Zahirul Hasni Bin Zaminazha  
En. Maznizam Bin Mansor  
En. Nazrim Bin Tan

Pn. Norakma Binti Nawawi  
Pn. Nor Hashimah Binti Abdul Majid  
Ts. Dr. Norhayati Binti Yahaya  
Pn. Nozie Mazzuana Binti Md Arof  
Dr. Nurul Amin Bin Badrul  
Pn. Rabia Binti Siamir  
Pn. Razidah Binti Sagap  
Pn. Rohani A/P Ngandi  
Pn. Roslin Binti Mohd Basri  
Pn. Rozita Binti Rashid  
Pn. Shahlisa Cheah Binti Shihabudin  
Pn. Suraya Binti Ali  
Pn. Syurhawati Binti A.Rahim  
Pn. Zuraini Binti Ismail  
Pn. Zaimah Binti Mu  
Datin Zainila Binti Salam

# **KANDUNGAN**

## **A. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

- Latar Belakang CIAST ...1
- Kampus Satelit CIAST ...2
- Visi, Misi dan Objektif ...3
- Piagam Pelanggan & Dasar Kualiti Jabatan ...4
- Carta Organisasi CIAST ...6
- Pengurusan Tertinggi ...8
- Jasamu Dikenang ...10
- Kenaikan Pangkat ...12
- Pertukaran Pegawai ...14

## **B. LATIHAN**

- Keluaran CIAST ...17
- Kursus Jangka Panjang ..17
- Kursus Jangka Pendek/Dalam Perkhidmatan ...18
- Kursus Reskilling ...19
- Pelaksanaan Latihan Kemahiran Training Methodology (Dalam Perkhidmatan) ...20
- Latihan Sangkutan Industri (LSI) ...22
- Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) ...23
- Pembangunan dan Pemantapan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) ...24
- Sistem Profil Kompetensi Pengajar TVET - Sistem TiPS ...25
- Pengurusan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) ...26
- Pembangunan Fasilitator ...30
- Program Latihan Antarabangsa ...32
- Aktiviti Kampus Satelit CIAST ...37

## **C. PENCAPAIAN**

Inovasi dan Kreativiti ...43

Pengiktirafan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) kepada Tenaga Pengajar CIAST ...45

Pengiktirafan CIAST sebagai Centre of Excellence (CoE) TVET Instructor oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) ...46

Pelancaran Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE) dan TVET Instructor eProfiling System (TiPS) ...47

Pertandingan Kemahiran ...48

Kajian Kebolehpasaran Graduan CIAST ...49

## **D. JARINGAN WARGA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT**

Kelab Kakitangan CIAST (KKC) ...51

PUSPANITA CIAST ...58

Jawatankuasa Surau CIAST ...61

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST ...62

Kerjasama CIAST dan Industri ...64

Aktiviti Promosi dan Pameran ...67

# **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

# Latar Belakang CIAST

CIAST mula beroperasi pada **tahun 1983** dengan bantuan kewangan daripada **Kerajaan Jepun** di bawah **Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN** dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan Jepun menerusi **Japan International Cooperation Agency (JICA)** sehingga tahun 1991.

CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah **Jabatan Tenaga Manusia (JTM)**, **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** bermula tahun **1991** sehingga **Mei 2007** sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah **Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**, di kementerian yang sama pada **Jun 2007**. Perpindahan ini bersesuaian dengan peranan CIAST yang semakin penting dalam **pemerkasaan pengajar kemahiran seluruh negara**.

CIAST menawarkan **kursus latihan pengajar** dan **latihan kemahiran lanjutan** untuk pengajar kemahiran, penyelia dan coach di industri serta pekerja mahir dari **sektor awam dan swasta** di Malaysia dan **negara-negara luar** seperti negara-negara ASEAN dan Dunia Ketiga.




## Kampus Satelit CIAST

Kampus Satelit CIAST (CSC) telah ditubuhkan di seluruh negara **semenjak 2012** dan **mula beroperasi pada tahun 2014**. Model pelaksanaan CSC ini melibatkan **kerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta** melalui **perkongsian kemudahan, ruang dan infrastruktur kampus latihan**.

Bermula tahun 2018, **sebanyak 14 buah CSC** beroperasi di seluruh Malaysia termasuk **Sabah dan Sarawak** dengan berkeupayaan **melatih seramai 1,050** pengajar pelatih setahun. CSC tersebut adalah **CSC ADTEC Taiping**, **CSC ILP Selandar**, **CSC ILP Marang**, **CSC ADTEC Bintulu**, **CSC ILP Sandakan**, **CSC ILP Kepala Batas**, **CSC ILP Kota Bharu**, **CSC ADTEC Melaka**, **CSC ADTEC Batu Pahat**, **CSC ADTEC Jerantut**, **CSC IKBN Kemasik**, **CSC IKBN Kuala Langat**, **CSC KPM Bukit Tangga** dan **CSC IPG KPT**.

Kedudukan Kampus Satelit CIAST seluruh negara



# Visi, Misi dan Objektif

## VISI

**Organisasi peneraju dalam membangun dan memperkasakan pengajar bertaraf dunia dalam bidang kemahiran.**

## MISI

**Membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.**

## OBJEKTIF

1. Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran negara.
2. Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan mengikut perkembangan teknologi.
3. Mentauliah tenaga pengajar dan pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
4. Memperkaya kurikulum latihan kemahiran.
5. Memperkuuh hubungan dan latihan antarabangsa.
6. Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia.
7. Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan.
8. Memupuk nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar.

## Piagam Pelanggan

Kami di **Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)** telah diamanahkan untuk **mengeluarkan** dan **meningkatkan kemahiran** tenaga pengajar **terlatih** yang diperlukan oleh negara. Dengan itu:

- 1** Kami berjanji akan mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan menyedia dan mengendalikan program latihan pengajar dan latihan kemahiran yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan institusi latihan kemahiran negara dan perkembangan teknologi semasa;
- 2** Kami berjanji untuk mengiklankan dan menyebarkan maklumat peluang latihan yang dijalankan kepada masyarakat umum. Permohonan kursus adalah terbuka sepanjang tahun. Tawaran kursus kepada mereka yang berjaya akan dikeluarkan selewat-lewatnya satu bulan sebelum kursus bermula;
- 3** Kami berjanji untuk membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan penyampaian latihan di pusat bertauliah awam dan swasta mengikut keperluan sektor industri negara;
- 4** Kami berjanji untuk mentauliah tenaga pengajar yang berkompeten dan berkelayakan mengikut *standard pekerjaan kemahiran kebangsaan*; dan
- 5** Kami berjanji untuk menyediakan prasarana pembelajaran, kelengkapan latihan, infrastruktur ICT yang lengkap dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

## Dasar Kualiti Jabatan


CIAST adalah **komited** untuk **menyedia dan melaksanakan** perkhidmatan latihan yang **berkualiti selaras dengan kehendak pelanggan** khususnya dan keperluan negara amnya serta akan sentiasa memperbaiki keberkesanan perkhidmatannya.


CIAST juga **menggalakkan penglibatan kesemua kakitangan** dalam mengamalkan peningkatan kualiti kerja secara berterusan.

# **“Memperkasa Pengajar Kemahiran Malaysia”**



# Carta Organisasi CIAST





# Pengurusan Tertinggi



## PENGARAH

**Dr. Mohamad Bin Sulaiman K.M.N**

PLV DV Gred Utama C



**TIMBALAN PENGARAH  
PENGURUSAN LATIHAN (PL)**

**Jamil Bin Yahya**

PLV GRED DV54



**TIMBALAN PENGARAH  
PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (PP)**

**Mohammad Ghazali Bin Udin**

PLV GRED DV54



KETUA PROGRAM  
PEMBANGUNAN PENGJAR  
KEMAHIRAN (PPK)

**Dr. Norhuda Binti Salim**

PLV GRED DV54 (M)



KETUA PROGRAM  
PEMBANGUNAN PROFESIONAL  
KEMAHIRAN (SPD)

**Dr. Puteh Melor Wesma  
Binti Salehen**

PLV GRED DV52



KETUA PROGRAM  
PEMBELAJARAN ELEKTRONIK  
DAN MULTIMEDIA (PEM)

**Ainin Nisak Binti Asnawi**

PLV GRED DV52



KETUA PROGRAM  
PERANCANGAN DAN  
PEMBANGUNAN LATIHAN (PPL)

**Azian Bin Hussin**

PLV GRED DV52



KETUA PROGRAM  
KELAYAKAN  
DAN KEKOMPETENAN (KK)

**Hamdan Bin Hashim**

PLV GRED DV52



KETUA BAHAGIAN  
KHIDMAT  
PENGURUSAN (BKP)

**Ahmad Zahiri Bin  
Abdul Kadir**

PTD GRED M52



KETUA BAHAGIAN  
KORPORAT  
(BKOR)

**Muhammad Nooradzam  
Bin Adam**

PLV GRED DV48

## Jasamu Dikenang

Pada tahun 2020, sembilan orang pegawai CIAST telah bersara secara wajib atau pilihan sendiri.



**Roslinda binti Daud**  
(DV52, PEM)  
bersara pilihan pada 1.1.2020



**Rahimah binti Abdul Hamid**  
(DV44, SPD)  
bersara pilihan pada 1.1.2020



**Tukimin bin Solehan**  
(DV40 KUP, SPD)  
bersara wajib pada 16.1.2020



**Norhayati binti Hj. Othman**  
(N19 BKP)  
bersara wajib pada 22.1.2020



**Rogayah binti Supian**  
(DV44, PPL)  
bersara wajib pada 22.3.2020



**Ab Halim bin Muhammad**  
(DV38, KK)  
bersara wajib pada 16.4.2020



**Mohd Zulkafli bin Muhamad**  
(DV48 KUP, PPK)  
bersara pilihan pada 1.6.2020



**Mohd Bukhori bin Ahmad**  
(DV38, SPD)  
bersara wajib pada 19.6.2020



**Ahmad Rosdan b. Muhammad Ishak**  
(DV44, SPD)  
bersara pilihan pada 19.6.2020

## Kenaikan Pangkat

Tahniah diucapkan kepada pegawai CIAST yang telah mendapat kenaikan pangkat sepanjang 2020. Semoga kenaikan pangkat ini menjadi pendorong untuk lebih berjaya pada masa akan datang.

Bil	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
1	DV48(KUP)	Hasfanorbitahayati binti Ibrahim Star	5.2.2020
2	DV52	Ainin Nisak binti Ahmad Asnawi	16.3.2020
3	DV44	Hanira binti Razali	23.3.2020
4	DV44	Mahani binti Mokhtar	23.3.2020
5	DV44	Norsalfaiza binti Fadzil	23.3.2020
6	DV44	Norakma binti Nawawi	23.3.2020
7	DV44	Ariffin bin Mohamad	23.3.2020
8	DV44	Mohd Ropi bin Abdullah	30.3.2020
9	DV44	Suzaini bin Supingat	9.4.2020
10	DV48(KUP)	Irwan bin Mohd Amir	9.7.2020
11	DV44	Azah Mahani binti Mohd	14.8.2020
12	DV44	Muhammad Salman bin Sahak	14.8.2020
13	DV54(M)(KUP)	Norhuda binti Salim	1.10.2020
14	DV52(KUP)	Ahmad Hanapi bin Yusof	12.11.2020
15	DV52(KUP)	Zaidi bin Md Yusuf	12.11.2020
16	DV52(KUP)	Shamsiah binti Sarkawi	12.11.2020
17	DV54(KUP)	Mohd Nuzi bin Yaacob	13.11.2020
18	DV52(KUP)	Noor Azita binti Bakar	19.11.2020
19	DV52(KUP)	Sofian bin Mohamad	19.11.2020
20	DV52(KUP)	Mohd Redzuan bin Mat Zain	19.11.2020

Bil	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
21	DV52(KUP)	Saiful Bahri bin Abdul Hamid	23.11.2020
22	DV52(KUP)	Mohd Rizal bin Ahmad @ Manap	23.11.2020
23	DV52(KUP)	Iskandar bin Kamarudin	23.11.2020
24	DV52(KUP)	Roshaniza binti Md Hashim	23.11.2020
25	DV52(KUP)	Azlinia binti Mohamad Shafie	23.11.2020
26	DV52(KUP)	Ismail bin Idris	26.11.2020
27	DV48(KUP)	Farehan binti Ismail	27.11.2020
28	DV48(KUP)	Mohd Azrul bin Jaafar	27.11.2020
29	DV48(KUP)	Surinah binti Siron	3.12.2020
30	DV48(KUP)	Mohamad Adry bin Harun	4.12.2020
31	DV48(KUP)	Ramzi bin Dol @ Abdul Wahid	4.12.2020
32	DV48(KUP)	Azhar bin Harun	4.12.2020
33	DV48(KUP)	Mohd Zahiri bin Salleh	4.12.2020
34	DV48(KUP)	Fazlida binti Dahalan	4.12.2020
35	DV48(KUP)	Azhar bin Untong	4.12.2020
36	DV48(KUP)	Yogeswaran a/l Seleappan	4.12.2020
37	DV48(KUP)	Hairul Shah bin Mohd Sahli	4.12.2020
38	DV52(KUP)	Abdul Hadi bin Kasmoni	7.12.2020

**TAHNIAH KEPADA SEMUA PEGAWAI CIAST!**

## Pertukaran Pegawai

Berikut ialah pertukaran keluar dan masuk pegawai CIAST sepanjang tahun 2020

### Pegawai berpindah keluar CIAST

BIL	GRED	JAWATAN	NAMA	TEMPAT BERTUKAR	TARIKH KELUAR
1	DV42	Pegawai Latihan Vokasional	Mohd Faisal bin Mat Ali	Institut Kemahiran Belia Negara Jitra, Kedah	7.1.2020
2	DV36	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Haniza binti Lukmanal Hakim	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Cyberjaya	2.3.2020
3	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Sharifah Erna binti Sayed Yusof	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Putrajaya	14.9.2020

**SELAMAT MAJU JAYA!**

## Pegawai melapor ke CIAST

BIL	GRED	JAWATAN	NAMA	DARI	TARIKH MASUK
1	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Soleha binti Rosddy	Jawatan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam	22.1.2020
2	DV48(M) (KUP)	Pegawai Latihan Vokasional	Hasfanorbitahayati binti Ibrahim Star	Jawatan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam	5.2.2020
3	N29	Penolong Pegawai Tadbir	Siti Norbaya binti Haron	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	15.2.2020
4	N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi	Mariyati binti baba	Pusat Latihan Teknologi Tinggi Kulim, Kedah	19.2.2020
5	DV36	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Faliza binti Fudzil	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Cyberjaya	2.3.2020
6	DV36	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Shakartum bin Abu Bakar	Institut Latihan Industri Kuala Langat	15.6.2020
7	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Mohd Ruzaimi bin Wahid	Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Timur	1.7.2020
8	DV44	Pegawai Latihan Vokasional	Siti Zaleha binti Wahid	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Pagoh, Perak	27.7.2020
9	DV29	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Adila binti Jaffar	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang, Selangor	10.8.2020
10	DV29	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Noor Akhidah binti Mohd Mustafa	Penjara, Jawi, Pulau Pinang	10.8.2020
11	DV44(M)	Pegawai Latihan Vokasional	Muhammad Salman bin Sahak	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Putrajaya	14.8.2020
12	DV44(M)	Pegawai Latihan Vokasional	Azah Mahani binti Mohd	Jabatan Pembangunan Kemahiran,Wilayah Tengah	14.8.2020
13	DV54(M) (KUP)	Pegawai Latihan Vokasional	Norhuda binti Salim	Pusat Latihan Teknologi Tinggi Shah Alam, Selangor	1.10.2020

# LATIHAN

# Keluaran CIAST

CIAST telah melaksanakan pelbagai program latihan sepanjang tahun 2019. Program yang dilaksanakan ada yang berbentuk **jangka panjang iaitu kursus-kursus melahirkan tenaga pengajar kemahiran** bagi lepasan pusat bertauliah swasta dan awam yang telah **memiliki sekurang-kurangnya SKM tahap 3** dalam bidang-bidang kemahiran dan berminat menjadi tenaga pengajar.

CIAST juga menjalankan **kursus-kursus pendek seperti latihan peningkatan kemahiran kepada para pengajar di institusi latihan TVET dan orang perseorangan** yang berminat dalam bidang TVET seperti penghasilan dokumentasi latihan dan pelbagai lagi bentuk latihan yang berkaitan TVET.

Perkara	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Kursus Pra-Perkhidmatan	14	515
Kursus Pendek	319	7,208
<b>JUMLAH KELUARAN CIAST</b>	<b>575</b>	<b>7,723</b>

Jadual 1: Keluaran CIAST 2020

## Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang

Latihan Kemahiran Jangka Panjang di CIAST adalah terdiri daripada kursus **Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)** yang dijalankan di CIAST dan juga 14 buah Kampus Satelit CIAST, **Diploma Kemahiran Malaysia** dengan Sijil Pengajar Vokasional (**DKM+VTO**) dan **Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)**. Pada tahun 2020, pengambilan kursus jangka panjang adalah seramai **486 orang** pelajar daripada 8 kursus yang ditawarkan. Bilangan enrolmen pelajar pula adalah seramai **757 orang** daripada 30 kursus yang ditawarkan, manakala bilangan pelajar yang telah menamatkan latihan dengan jayanya adalah seramai **515 orang** daripada 14 kursus yang dijalankan. Jadual 2 menunjukkan Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan) Tahun 2020.

NAMA PROGRAM	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta
Sijil VTO Kampus CIAST Shah Alam	2	174	11	196	4	144
SKM Tahap 3 + VTO	0	0	0	0	0	0
DKM + VTO	4	26	6	46	0	0
DLPV	1	6	5	13	5	25
Sijil VTO Kampus Satelit CIAST	1	280	8	502	5	346
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>486</b>	<b>30</b>	<b>757</b>	<b>14</b>	<b>515</b>

Jadual 2: Statistik Kursus Pra-Perkhidmatan CIAST 2020

# Kursus Pendek/Dalam Perkhidmatan

CIAST telah melaksanakan kursus-kursus kepada **pengajar TVET** yang dijalankan oleh setiap program yang terdapat di CIAST. **Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)** telah melaksanakan kursus-kursus seperti Kursus-kursus Teknik Mengajar, Kursus Induksi SLDN, Latihan Sangkutan Industri (LSI) dan Perkongsian Kepakaran Industri (PKI). **Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL)** telah melaksanakan Kursus Pembangunan Fasilitator, Kursus Pembangunan Profil Pengajar TVET, Kursus Pembangunan WIM, Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran, Kursus Pembangunan NOSS dan Kursus Kemahiran Fasilitator. **Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)** telah melaksanakan Kursus Video, Kursus Audio, Kursus Microsoft Office, Kursus Web Design, Kursus Web Programming dan Kursus Grafik. **Program Kelayakan Kelayakan Kekompetenan (KK)** pula telah melaksanakan kursus - kursus Induksi Pentauliahan dan Kursus Antarabangsa. Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) menawarkan kursus-kursus dan latihan jangka pendek melalui program Modular, Customised, Reskilling dan juga Kursus di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO.

Pada tahun 2020, CIAST telah berjaya menjalankan **319 kursus** dengan jumlah peserta **7,208 orang**. Pecahan kursus mengikut program adalah seperti di bawah.

Nama Program	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta	Jantina		Sektor		
			Lelaki	Wanita	Awam	Swasta	Individu
<b>SPD</b>	158	3,875	2,216	1,643	811	2,609	448
<b>PPK</b>	36	224	178	46	186	39	0
<b>PPL</b>	21	710	310	400	426	215	0
<b>PEM</b>	23	228	110	118	193	22	3
<b>KK</b>	81	2,171	1,091	1,080	941	644	586
<b>JUMLAH</b>	<b>319</b>	<b>7,208</b>	<b>3,905</b>	<b>3,287</b>	<b>2,557</b>	<b>3,529</b>	<b>1,037</b>

**Jadual 3:** Pecahan kursus pendek yang dijalankan sepanjang tahun 2019

# Program Pembangunan Kepakaran Dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar

Sejajar dengan keperluan industri dan perubahan teknologi yang dinamik di peringkat global, maka satu mekanisme secara terancang adalah perlu untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran sedia ada di kalangan tenaga pengajar institut latihan kemahiran awam. Ini penting untuk menyedia dan melengkapkan tenaga pengajar kemahiran dengan **pengetahuan (knowledge), kemahiran (skills) dan sikap (attitude)** yang sesuai bagi melaksanakan latihan yang berkesan di institusi latihan kemahiran awam. Pelaksanaan latihan tersebut adalah berdasarkan kepada profil pengajar kemahiran yang telah dibangunkan. Ini bertujuan untuk **menutup jurang yang wujud pada setiap pengajar kemahiran** supaya latihan yang berkualiti dapat disampaikan kepada pelatih.

Program **Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar** yang dilaksanakan di agensi yang terlibat adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada tenaga pengajar TVET mengikut keperluan bidang kemahiran masing-masing. Jabatan Pembangunan Kemahiran melalui CIAST telah dilantik sebagai urusetia program dibawah **RMK-11** bagi menyelaras dan memantau perlaksanaan dan perbelanjaan bagi program tersebut.

Modul latihan dan kursus dibangunkan melalui **Sistem TiPS** dimana data kekompetenan pengajar dianalisa bagi memastikan pelaksanaan kursus memenuhi keperluan pengajar. Kursus-kursus peningkatan kemahiran yang dijalankan perlu merujuk kepada Analisa Keperluan Latihan (ability checklist) yang telah dibangunkan oleh panel-panel yang mahir mengikut bidang-bidang kemahiran masing-masing.

Bagi tahun 2020 **peruntukan sebanyak RM15 juta** telah diterima dibawah RMK-11 dimana peruntukan tersebut telah diagihkan kepada 10 agensi pelaksana latihan TVET melibatkan agensi kerajaan dan swasta.

Bil	Agensi	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - CIAST (reskilling)	29	262
2	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - CIAST (SLDN)	39	970
3	Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)	135	1,392
4	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	94	937
5	Majlis Amanah Rakyat (MARA) - IKM & KKTM	36	335
6	GiatMARA	22	313
7	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)	-	-
8	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	16	184
9	German Malaysian Institute (GMI)	28	150
10	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	58	408
11	Kementerian Belia dan Sukan (KBS) - IKBN/IKTBN	73	658
<b>JUMLAH</b>		<b>530</b>	<b>5,609</b>


**Jadual 4:** Agensi pelaksana kursus reskilling 2020

# Pelaksanaan Latihan Kemahiran Training Methodology (Dalam Perkhidmatan)

## Program TM001 (Pedagogy Training) Secara Sepenuh Masa

Latihan kemahiran TM001 (Pedagogy Training) secara sepenuh masa pada tahun 2020, telah melakar sejarah tersendiri kerana dapat melaksanakan dengan jayanya Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) **secara dalam talian** dalam tempoh tiga belas (13) minggu sepenuhnya. Ini adalah bagi mendepani cabaran norma baharu akibat penularan pandemik yang melanda Malaysia dan dunia amnya, dan secara tidak langsung CIAST melalui Program Pembangunan Professional Kemahiran (SPD) telah mengorak langkah pertama dalam merealisasikan PdP Digital (PdPD).

Seramai **12 orang peserta** telah berjaya menamatkan kursus, yang terdiri daripada **10 orang peserta MARA** dan **2 orang peserta ADTEC Jerantut**. Kesemua peserta ini telah hadir kursus secara dalam talian di lokasi masing-masing selama tempoh 13 minggu mengikut jadual PdP yang telah ditetapkan. Seterusnya, penilaian oleh Pegawai Penilai (PP), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) Kendiri juga turut dilaksanakan secara dalam talian.



Penilaian Akhir Secara Dalam Talian

## Program VTO Secara Separuh Masa

Pada tahun 2020, sekali lagi CIAST melalui Program SPD telah mencatat sejarah dengan pelaksanaan **Kursus Vocational Training Operation (VTO) I-031-3** secara mod separuh masa. Projek rintis telah berjaya direalisasikan pada tarikh 8 Ogos 2020, dengan pengambilan pelajar batch pertama seramai **6 orang**. Namun seramai **5 orang pelajar telah berjaya menamatkan pembelajaran** bagi tempoh 26 minggu secara separuh masa pada hujung minggu. Kursus VTO separuh masa ini telah bermula pada 8 Ogos sehingga 31 Januari 2021.

Pada peringkat awal, kursus tersebut dilaksanakan secara bersemuka di CIAST. Namun, setelah kerajaan mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor pada September 2020, kursus tersebut telah berubah kepada mod dalam talian bagi mengurangkan risiko penularan wabak Covid. Penilaian akhir teori setelah tamat kursus juga dilaksanakan secara dalam talian disebabkan situasi semasa. Ini adalah usaha alternatif CIAST bagi memastikan peserta kursus terus dapat menimba ilmu walau dalam tempoh PKPB.



Majlis Perasmian VTO Secara Separuh Masa



Penilaian yang Dilaksanakan Secara Dalam Talian


# PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEMAHIRAN

## Program Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Dalam Rancangan Malaysia Ke -11, CIAST dipertanggungjawabkan untuk menguruskan permohonan Program Latihan Sangkutan Industri (LSI) untuk pengajar-pengajar Institusi Latihan Awam (ILA) bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi, dengan menggunakan **peruntukan Pembangunan P46**. Program LSI bertujuan mengatasi kekurangan pengalaman industri di kalangan pengajar TVET yang mana memberi kesan terhadap kualiti graduan. Melalui program LSI, pengajar diberi pendedahan kepada **budaya kerja pelbagai sektor di industri**.

Program ini bukan hanya menekankan kepada teori tetapi dapat meningkatkan kemahiran pengajar sejarar dengan perkembangan teknologi terkini di sektor industri. Pengajar dapat meningkatkan kualiti pengajaran dengan menghubungkaitkan teori pembelajaran dengan situasi sebenar di industri. Dengan program LSI, pengajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, memperolehi pengalaman industri dan lebih kreatif bagi melahirkan graduan berkemahiran bersesuaian dengan kehendak semasa. Melalui program LSI ini juga secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan kerjasama antara institusi dengan industri.

Pada tahun 2020, permohonan LSI adalah melalui dalam talian sistem eProfiling. Seramai 306 orang pengajar daripada ILA telah menjalani LSI melibatkan **241 buah firma / industri**.



**Carta 1:** Penyertaan Latihan Sangkutan Industri (LSI) 2020 mengikut Agensi

Kategori Firma							Jumlah
Awam (Negeri)	Awam (Persekutuan)	Badan Berkanun	NGO & Per- satuan	Bhd.	Sdn. Bhd.	Ent.	
4	3	3	0	2	183	111	306

**Jadual 5:** Firma Yang Terlibat Dengan Latihan Sangkutan Industri LSI 2020 Mengikut Kategori Firma

# Program Perkongsian Kepakararan Industri (PKI)

Program Perkongsian Kepakararan Industri (PKI) ini merupakan program **jaringan perhubungan antara pengajar TVET dengan pihak industri**. Melalui program ini, ia dapat membuka ruang yang luas bagi pengajar TVET untuk **mengikuti perkembangan teknologi terkini di industri** dalam bidang masing-masing.

Program ini dikendalikan oleh **penceramah di kalangan pekerja industri** dalam bentuk kursus, seminar, bengkel, persidangan, ceramah, taklimat, perkongsian ilmu atau simposium.

Bil	Agensi	Bilangan Siri Perkongsian	Bilangan Peserta (Pengajar Institut)
1	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	2	22
2	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1	4
3	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	2	20
4	Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti , Kementerian Pendidikan Malaysia	2	11
5	Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) / Jabatan Pembangunan Kemahiran	13	222
JUMLAH		20	279

**Jadual 6:** Program PKI yang dilaksanakan.



Penglibatan pegawai JPK dalam LSI




Penganjuran PKI di Agensi TVET

# Pembangunan dan Pemantapan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Pada tahun 2020 beberapa aktiviti program SLDN telah dirancang dan dilaksanakan oleh Unit Latihan Konsultansi Kurikulum SLDN, Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD). Program ini terbahagi kepada **Kursus Induksi SLDN, Kursus NDTs Trainer Training Programme, Kursus NDTs Coach Training Programme dan Bengkel Pemurnian SLDN**. Pendekatan pelaksanaan program adalah secara bersemuka dan juga secara dalam talian (platform Open Learning) selari dengan menyantuni norma baharu berikut pandemic Covid-19

Tajuk Kursus	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Kursus NDTs Trainer Training Programme	6	129
Kursus NDTs Coach Training Programme	13	273
Kursus Induksi SLDN	118	3,142
Bengkel Pemurnian SLDN	1	19
<b>JUMLAH</b>	<b>138</b>	<b>3,563</b>

**Jadual 7:** Statistik kursus-kursus SLDN yang dilaksanakan



Pelaksanaan Kursus Induksi SLDN Dalam Talian (Open Learning)



Pelaksanaan Kursus Induksi SLDN Bersemuka

# Sistem Profil Kompetensi Pengajar TVET – SISTEM TiPS

TVET Instructor eProfiling System (TiPS) atau dikenali sebagai Sistem TiPS adalah satu pangkalan data berpusat pengajar TVET Malaysia yang merangkumi **17 agensi dari 9 kementerian**. Sistem ini mengumpulkan **25,948 pengajar TVET** dan mampu menganalisa jurang kompetensi dan padanan latihan dengan sistematis. Sistem ini juga dilengkapi dengan 571 bidang kompetensi kemahiran untuk penilaian pengajar TVET. Pengajar yang mendaftar dalam Sistem TiPS akan dikategorikan perjawatan dibawah Latihan, Pengurusan, Pengurusan & Latihan atau Sokongan Teknikal. Ini bertujuan untuk memudahkan analisa kompetensi pengajar dan padanan latihan.

Pada tahun 2020, seramai 24,162 pengajar telah melaksanakan penilaian kompetensi melalui sistem TiPS. Hasil analisa kompetensi pengajar yang diperolehi daripada sistem ini telah membolehkan agensi untuk mengenalpasti tahap kompetensi pengajar dan seterusnya menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan. Pelbagai bentuk latihan yang ditawarkan melalui sistem ini seperti Latihan Berpusat/Agenzi, Latihan Sangkutan Industri (LSI), Perkongsian Kepakaran Industri (PKI), Coaching & Mentoring serta Latihan Kendiri.

Bil	Agensi	Lelaki	Wanita	Doktor Falsafah	Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	SKM T3	DKM	DLKM	Sijil Profesional
1	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	203	101	0	11	43	3	0	0	14
2	Angkatan tentera Malaysia (ATM)	184	11	0	0	6	11	9	0	10
3	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)	258	166	0	15	79	137	55	2	10
4	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV)	2,808	2,892	17	494	4,922	1,741	477	937	219
5	Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS)	15	7	0	1	6	7	2	0	10
6	German-Malaysian Institute	125	107	10	147	194	4	0	0	25
7	GIATMARA	969	450	0	51	208	1,491	298	50	215
8	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	35	58	2	12	21	30	7	8	6
9	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	244	221	16	141	290	251	80	87	155
10	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	4,094	6,255	198	4,171	8,643	115	30	8	496
11	Jabatan Penjara Malaysia	459	115	0	1	18	80	15	0	9
12	Jabatan Tenaga Manusia	1,508	659	7	183	728	1,744	711	387	664
13	Kementerian Belia dan Sukan	753	305	5	58	256	865	302	72	113
14	Lembaga pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	253	28	0	6	30	77	27	2	357
15	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1,090	360	11	430	726	306	79	30	237
16	Maktab Teknik Polis DiRaja Malaysia (MTPDRM)	119	16	0	2	13	33	1	2	1
17	Universiti Kuala Lumpur	569	511	299	756	775	15	9	4	148

**Jadual 8:** Maklumat Kelulusan pengajar TVET yang berdaftar mengikut agensi

# Pengurusan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Pengurusan Personel SPKM terbahagi kepada :

- Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) dan Fasilitator Bertaualiah (FB);
- Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan (PPKSPP);
- Anugerah Tokoh Mahir; dan
- Pemantapan Pengurusan Perakuan Personel SPKM.

## Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) dan Fasilitator Bertaualiah (FB)

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) berperanan untuk menjalankan penilaian, penentusahan dan jaminan mutu pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) ke atas tiga (3) kaedah persijilan berikut;

BIL	Kaedah Persijilan	Kategori Perjawatan	
		Singkatan	Perjawatan
1	Sistem Latihan Program Bertaualiah (SLaPB)	PPL-SLaPB	Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertaualiah
2	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	PPL-SLDN	Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional
3	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)	PP-PPT	Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
		PPL-PPT	Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

Jadual 9: Kaedah Persijilan

Selain PPV dan PPKSPP, CIAST turut melaksanakan perakuan Fasilitator Bertaualiah (FB) bagi memastikan JPK mempunyai personel yang berkelayakan dalam pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/NOSS). Terdapat empat kategori perjawatan FB iaitu;

- Fasilitator Bertaualiah DESCUM (FB DESCUM)
- Fasilitator Bertaualiah WIM (FB WIM)
- Fasilitator Bertaualiah Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (FB Soalan)
- CUDBAS Leader

Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah **5,796 permohonan** PPV dan FB telah diputuskan dalam Mesyuarat Perakuan Personel SPKM mengikut kategori perjawatan sebagaimana di jadual 10

	PPL-SLaPB	PPL-SLDN	PP-PPT	PPL-PPT	PPL Kendiri	FB DES-CUM	FB WIM	FB Soalan	CUD-BAS Leader	Jumlah
Lulus	1,377	413	980	408	25	9	27	6	4	3,249
Gagal	844	310	691	500	177	4	10	10	1	2,547
Jumlah	2,221	723	1,671	908	202	13	37	16	5	5,796

**Jadual 10:** Statistik permohonan

### Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)

PPKSPP merupakan perakuan yang diberi kepada mana-mana individu atau personel pentauliahan Pusat Bertauliahan (PB) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Perakuan diberi adalah berdasarkan kelayakan yang dimiliki oleh personel dan program bertauliahan merujuk kepada Daftar Standard yang berkuatkuasa.

Permohonan ini boleh dimohon dan disemak melalui talian (online) Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE), <https://www.myspike.my>.

Personel pentauliahan PB adalah bagi jawatan berikut :

Pusat Bertauliahan Sistem Latihan Program Bertauliahan (PB SLaPB);

- i. Pengurus Pusat Bertauliahan (PPB);
- ii. Pegawai Pengesah Dalaman (PPD);
- iii. Pegawai Penilai (PP);

Pusat Bertauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN)

- iv. Pengurus Pusat Bertauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (PPB-SLDN);
- v. Coach (Coach); dan
- vi. Pengajar Sistem Latihan Dual Nasional (P-SLDN).

Sehingga 31 Disember 2020, telah menerima dan memproses sejumlah **22,938 permohonan** bagi jawatan tersebut dan ianya ditunjukkan dalam jadual 11

	PPB	PPD	PP	PP Modular	PPB SLDN	COACH	P-SLDN	Jumlah
<b>Lantik</b>	526	3,562	6,329	1	118	756	319	11,611
<b>Tolak</b>	901	3,119	5,779	0	259	814	455	11,327
<b>Jumlah</b>	1,427	6,681	12,108	1	377	1,570	774	22,938

**Jadual 11:** Permohonan dan lantikan mengikut jawatan

## Pemantapan Pengurusan Perakuan Personel SPKM

Dalam melaksanakan pengurusan perakuan personel, dua (2) mesyuarat kerja juga telah dilaksanakan bagi memantapkan panduan dan prosedur berkaitan.

Mesyuarat Kerja Mengemaskini Prosedur Kerja dan Kadar Bayaran Perakuan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) pada 6 hingga 9 Mac 2020 di Hotel Langkasuka, Langkawi dengan yang melibatkan 20 orang pegawai daripada JPK dan CIAST.

Ia bertujuan untuk mengemaskini prosedur kerja perakuan personel yang melibatkan panduan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) dan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) berdasarkan Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) Personel dan membincangkan cadangan kadar bayaran yang boleh dikenakan untuk permohonan perakuan personel.

Mesyuarat kerja ini telah berjaya dijalankan mengikut perancangan, mendapat komitmen sepenuhnya daripada semua ahli mesyuarat dan mencapai objektif yang ditetapkan.



Sesi taklimat kepada peserta

Mesyuarat Kerja Mengemaskini Prosedur Kerja dan Panduan Personel Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) pada 13 hingga 16 September 2020 di Hotel Taiping Perdana, Taiping dengan yang melibatkan 20 orang pegawai daripada JPK dan CIAST.

Ia bertujuan untuk menyemak dan mengemaskini prosedur kerja dan panduan berkaitan perakuan personel berdasarkan keperluan Modul Personel dalam Sistem MySPIKE susulan pengwujudan perjawatan baharu iaitu PP-Modular dan membincangkan keperluan bagi kod program yang kekurangan personel.

Mesyuarat kerja ini telah berjaya dijalankan mengikut perancangan, mendapat komitmen sepenuhnya daripada semua ahli mesyuarat dan mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil daripada mesyuarat kerja ini menjadi rujukan untuk menyemak permohonan personel PP-Modular dan draf arahan dalaman berkaitan keperluan bagi kod program yang kekurangan personel.



Sesi taklimat kepada peserta

# Pembangunan Fasilitator

Pada tahun 2020, Unit Pembangunan Fasilitator (UPF) telah melaksanakan Latihan kepada peserta Awam dan Swasta yang terdiri dari pelbagai agensi yang telah berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pakar-pakar industri yang terlibat dalam Pembangunan National Occupational Skill Standard (NOSS). Latihan yang terlibat adalah meliputi Kursus Pembangunan NOSS, Written Instructional Material (WIM), Soalan, Latihan Sangkutan Fasilitator dan kursus Kemahiran Fasilitator.

## **1. Kursus/Taklimat Pembangunan National Occupational Skill Standard (NOSS)**

Kursus/Taklimat Pembangunan NOSS ini bertujuan memberi pendedahan kepada pakar-pakar industri yang terlibat dalam pembangunan dan kelulusan NOSS mengenai teknik dan tatacara membangunkan Occupational Structure (OS), Occupational Area Structure (OAS), Competency Profile Chart (CPC), Competency Profile (CP), Curriculum of Competency Unit (CoCU) dan Standard Practice (SP) untuk memenuhi Standard pekerjaan di Malaysia.

## **2. Kursus/Taklimat Written Instructional Material (WIM)**

Kursus/Taklimat Written Instructional Material (WIM) ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugasan dan Kertas Kerja berdasarkan keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

## **3. Kursus/Taklimat Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran**

Kursus/Taklimat Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan soalan yang memenuhi keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

## **4. Kursus Kemahiran Fasilitator**

Kursus Kemahiran Fasilitator adalah kursus untuk peserta-peserta berkelayakan yang telah berjaya melalui kursus pembangunan dengan jayanya. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan teknik dan tatacara kemahiran fasilitator sebagai persediaan bagi membangunkan NOSS, WIM dan Soalan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bakal Fasilitator perlu menduduki Ujian Prestasi dan Ujian Pengetahuan. Calon perlu lulus keseluruhan ujian seperti yang telah ditetapkan.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>NOSS</b>	<b>WIM</b>	<b>Soalan</b>	<b>Kemahiran Fasilitator</b>
		<b>Bilangan Peserta</b>			
<b>1</b>	Kursus Pembangunan	29	229	198	60
<b>2</b>	Pentauliahan Fasilitator	37	69	50	-

**Jadual 12:** Pencapaian Perlaksanaan Kursus Pembangunan NOSS/WIM/Soalan Dan Kemahiran Fasilitator Serta Pentauliahan Fasilitator

Pada tahun ini program kursus ini telah ditambah baik dengan diadakan sistem permohonan melalui e kursus dan sistem percetakan sijil dalam talian melalui Sistem MySpike yang direkacipta oleh pegawai PEM CIAST dan unit IT JPK



Sesi ujian sedang dijalankan



Sesi bergambar peserta kursus

# Program Latihan Antarabangsa

## Dispatch Officer To Brunei

### Kursus Troubleshooting On FESTECH Module production System, IBTE Brunei Kampus Jefri Bolkiah (25 - 29 Februari 2020)

Sejak tahun 2010, CIAST telah menjadi salah satu hub latihan pertandingan kemahiran yang melatih peserta yang mewakili Pertandingan WorldSkills bagi bidang Mekatronik. Selain itu, bekas peserta MTCP bidang Mekatronik CIAST telah menyusulkan agar kerjasama dia antara CIAST dan Brunei wajar dilaksanakan. **Pihak Binamahir-Tek Resources (BTR)** dari negara Brunei yang merupakan sebuah syarikat konsultansi kepada **Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kampus Jefri Bolkiah, Belait**, telah menyatakan hasrat untuk mendapatkan kerjasama CIAST dalam membantu mereka untuk mengendalikan program Festech Module Production System di kampus berkenaan.

Susulan beberapa kali perbincangan dengan pihak BTR yang bermula sejak Disember 2019, program ini telah berjaya dilaksanakan pada **25 – 29 Februari 2020** di Brunei dengan pembentukan penuh dari mereka. **Penglibatan seorang pakar dari CIAST yang melatih seramai 4 peserta** merupakan projek yang yang bermatlamat untuk melatih pengajar perintis di IBTE untuk menyediakan latihan kepada pelajar Mekatronik Tahap 5 sebelum mereka menghadapi situasi sebenar sewaktu latihan industri. Pengajar pakar dari CIAST telah berjaya memeriksa, menyelesaikan masalah peralatan dan menyelenggara mesin sehingga boleh digunakan dan seterusnya melatih tenaga pengajar/jurulatih di IBTE untuk mengendalikan dan melaksanakan penyelenggaraan peralatan yang berkaitan. Maklumat pengajar pakar dan peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Maklumat Pakar CIAST	Jawatan dan pengalaman dalam bidang
1	En. Ahmad Shukri bin Abd Rahman	i.Pengajar Bahagian Mekatronik ii.Jurulatih Pertandingan Kemahiran Malaysia iii.Hakim Kemahiran Malaysia (13 tahun)

**Jadual 13:** Nama penceramah

Bil	Nama Peserta	Jawatan
1	Mohammed Hisham Shah Bin Basno	Pengajar
2	Muhd Aalee Leevoi Bin Abdullah Lee	Pegawai Pendidik
3	Soon Wei Fong	Pengajar Teknik
4	Mohammad Musa Bin Maidin	Pengajar

**Jadual 14:** Nama peserta

Majlis penutup dan penyerahan sijil telah diadakan pada 29 Februari 2020 di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kampus Jefri Bolkiah, Belait. Majlis ini telah dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi IBTE, pihak BTR dan para peserta. Pihak IBTE telah menyampaikan ucapan penghargaan atas kerjasama CIAST yang sentiasa menyokong pertumbuhan kapasiti sumber manusia di Brunei.

Program ini dilihat telah memberi impak yang besar serta mewujudkan jalinan kerjasama baharu antara CIAST dan pihak Brunei. Ia sekaligus memberikan imej kemahiran berprestij diterajui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Kementerian Sumber Manusia, Malaysia untuk mengarusperdanakan TVET melalui CIAST selaku pelaksana.



Di sepanjang sesi latihan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kampus Jefri Bolkiah, Brunei



Bergambar kenangan dengan pengajar Pakar dari CIAST

### **Indonesia-Malaysia-Thailand-Growth Triangle (IMT-GT) Working Group On Human Resources Development 2020.**

Kerajaan Malaysia menganjurkan dua kursus untuk tahun 2020 iaitu kursus '**TVET Training Methodology and Quality Management System For Automotive**'. Program ini merupakan kerjasama diantara kumpulan kerja segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand bagi pembangunan sumber manusia dan dijalankan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia di Shah Alam, Selangor mulai **17 Februari hingga 21 Februari 2020**. Peserta kursus terdiri dari **Republik Indonesia, Malaysia dan Kerajaan Thailand** dengan jumlah peserta seramai **30 orang**.

Segitiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) adalah inisiatif kerjasama sub-wilayah yang dibentuk pada tahun 1993 oleh pemerintah Indonesia, Malaysia, dan Thailand untuk mempercepatkan transformasi ekonomi dan sosial di wilayah yang kurang maju. Sejak ia dibentuk, IMT-GT telah berkembang dalam skop dan aktiviti geografi merangkumi lebih daripada 83 juta orang. Kini terdiri dari 14 wilayah di selatan Thailand, 8 negeri di Semenanjung Malaysia, dan 10 wilayah Sumatera di Indonesia. IMT-GT juga semakin penting di luar kawasannya. ASEAN telah mengiktiraf IMT-GT sebagai asas bagi ASEAN Komuniti Wawasan 2025. Di samping itu, inisiatif yang dikembangkan melalui pelbagai kumpulan kerja di bawah IMT-GT melengkapkan Pelan Pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN dengan berperanan sebagai percubaan sebelum pelaksanaan inisiatif serantau yang lebih luas.



Opening Ceremony kursus Quality Management System for Automotive, di Auditorium CIAST, Shah Alam, Selangor.

### **Lawatan dari JICA Malaysia dan Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT), UTM**

Pada **5 Ogos 2020**, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan CIAST, telah menerima lawatan dari **Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT)**, **UTM** yang diwakili oleh **Dr. Okano Takasei** dan JICA Malaysia yang diwakili oleh **Mr. Nakazawa Shigeki**.

Perkara yang dibincangkan adalah merujuk kepada kerjasama pembelajaran secara atas talian disebabkan masalah pandemic Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada ketika ini. Pembelajaran secara atas talian merupakan kaedah tebaik pada ketika ini kerana pembelajaran secara bersemuka tidak digalakkan atau tidak dibenarkan kerana pandemic Covid-19.

Hasil daripada lawatan tersebut, CIAST telah meminta tunjuk ajar atau perkongsian ilmu yang dapat dicurahkan oleh JICA dan MJIIT untuk tenaga pengajar CIAST bagi mengadaptasi kaedah pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan sumber-sumber terkini.



Penyampaian cenderahati kepada Dr. Okano Takasei, Chief Advisor, Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT), UTM

### **Bengkel Kerja Pembangunan Modul Kursus Latihan Antarabangsa**

Unit Latihan Antarabangsa telah mengadakan bengkel kerja Pembangunan Modul Kursus Latihan Antarabangsa pada **22 hingga 23 September 2020** bertempat di bilik Kuliah Elektrik dan Elektronik, CIAST.

Bengkel selama 2 hari ini bertujuan untuk menghasilkan modul latihan yang standard dan berkualiti untuk digunakan dalam program latihan yang melibatkan peserta kursus antarabangsa seperti Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), Third Country Training Programme (TCTP) dan Customised Course.

Peserta bengkel merupakan ahli-ahli pakar dalam bidang TVET. Bidang yang terlibat adalah Latihan Tenaga Pengajar, Kimpalan, Automotif, Teknologi Drone, Elektronik/ Elektrikal, Mekatronik, Komputer, Perancangan Pembangunan Latihan dan Pembelajaran Elektronik



Taklimat bengkel Pembangunan Modul Kursus Antarabangsa disampaikan oleh Ts. Mohamad Asrofi bin Muslim, Ketua Unit Latihan Antarabangsa.

### **Taklimat Refresher Course Asia Pasific Accreditation And Certification Comission (APACC)**

CIAST sedang membuat persiapan bagi mendapatkan persijilan APACC pada tahun 2021. Bagi memantapkan dan menambahkan lagi kefahaman pegawai CIAST berkenaan dengan setiap kriteria yang akan dinilai, CIAST telah menjemput Encik Khairul Azha bin Ahmad dan Puan Noaryanti binti Mohd Nor sebagai penceramah jemputan Refresher Course bagi tujuan perkongsian ilmu berkenaan dengan persijilan APACC dan penilaian yang akan dilaksanakan. Taklimat telah diadakan pada **5 Oktober 2020** di auditorium CIAST

**Encik Khairul Azha bin Ahmad** adalah Timbalan Pengarah Bahagian Governan Dan Kecemerlangan, di **Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti** dan beliau ditugaskan di bawah Unit Jaminan Kualiti. Sebelum ini merupakan pensyarah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Beliau mempunyai pengalaman dalam menyelaraskan dan mengedalikan akreditasi MQA, ETAC, TTAC dan APACC.

Manakala **Puan Noaryanti binti Mohd Noor** adalah Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Governan Dan Kecemerlangan di bawah Unit Jaminan Kualiti dan beliau sebelum ini pernah berkhidmat di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Juga mempunyai pengalaman dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan MQA, ETAC, TTAC dan APACC.



Taklimat di sampaikan oleh Encik Khairul Azha bin Ahmad, Timbalan Pengarah Bahagian Governan Dan Kecemerlangan, di Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti.

## Bengkel Bengkel Kerja Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Modul Kursus Antarabangsa

Unit Latihan Antarabangsa telah mengadakan bengkel kerja Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Modul Kursus Antarabangsa pada **6 hingga 8 Oktober 2020** bertempat di bilik kuliah Elektrik dan Elektronik, CIAST.

Bengkel selama 3 hari ini bertujuan untuk membangunkan bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang standard dan berkualiti untuk digunakan dalam program latihan yang melibatkan peserta kursus antarabangsa seperti Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), Third Country Training Programme (TCTP) dan Customised Course.

Peserta bengkel merupakan ahli-ahli pakar dalam bidang TVET. Bidang yang terlibat adalah Latihan Tenaga Pengajar, Kimpalan, Automotif, Teknologi Drone, Elektronik/ Elektrikal, Mekatronik, Komputer, Perancangan Pembangunan Latihan dan Pembelajaran Elektronik.



Perkongsian ilmu oleh Puan Ridzaida binti Md Alias.

## Bengkel Kerja Pemurnian Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Modul Kursus Antarabangsa

Unit Latihan Antarabangsa telah mengadakan bengkel kerja Pemurnian Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Modul Kursus Antarabangsa pada **13 hingga 14 Oktober 2020** bertempat di bilik kuliah Elektrik dan Elektronik, CIAST.

Bengkel selama 2 hari ini bertujuan untuk pemurnian bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang telah dibangunkan untuk digunakan dalam program latihan yang melibatkan peserta kursus antarabangsa seperti Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), Third Country Training Programme (TCTP) dan Customised Course.

Peserta bengkel merupakan ahli-ahli pakar dalam bidang TVET. Bidang yang terlibat adalah Latihan Tenaga Pengajar, Kimpalan, Automotif, Teknologi Drone, Elektronik/ Elektrikal, Mekatronik, Komputer, Perancangan Pembangunan Latihan dan Pembelajaran Elektronik.

# Aktiviti Kampus Satelit CIAST

## Seminar Kesejahteraan Psikologi dan Nilai Spiritual di Era Digital

Seminar Kesejahteraan Psikologi Dan Nilai Spiritual Di Era Digital telah diadakan bersempena dengan Mesyuarat Pengurusan CSC Bil 1/202 pada **26 Februari 2020** di ADTEC Batu Pahat, Johor. Seminar ini diadakan bagi memberi maklumat dan panduan kepada semua peserta yang hadir pendedahan berkenaan dengan psikologi dalam menangani gelombang era digital yang sangat cepat di masa kini. Ia juga memberikan pendedahan kepada para peserta dengan nilai-nilai spiritual yang boleh diadaptasikan dalam tugasan harian.

Penceramah yang diundang bagi menyampaikan seminar ini adalah Dr. Rostam bin Mat Zain, Pakar Psikologi daripada Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah. Seminar telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada 14 buah CSC, CIAST, pegawai daripada ADTEC Batu Pahat dan pengajar pelatih CSC ADTEC Batu Pahat.



Perkongsian ilmu oleh Dr. Rostam bin Mat Zain.

## Seminar Transformasi Pengurusan dan Kepimpinan TVET Dalam Norma Baharu

Seminar Transformasi Pengurusan Dan Kepimpinan TVET Dalam Norma Baharu telah diadakan bersempena dengan Mesyuarat Pengurusan CSC Bil 2/2020 dan Majlis Amanat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPK pada **7 September 2020** di **Grand Renai Hotel, Kota Bharu, Kelantan**.

Seminar ini direka khas bagi tujuan memberikan pendedahan, dan perkongsian maklumat berkaitan transformasi pengurusan dan kepimpinan TVET dalam norma baharu. Objektif yang bakal dicapai daripada pengisian seminar ini adalah pengajar dapat mengetahui konsep pendidikan seumur hidup, yang mana sistem TVET merupakan salah satu aliran yang diiktiraf atau dikenali sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi seperti yang diingini oleh industri pada masa kini. Perubahan masa dan perkembangan teknologi pada masa ini menuntut perubahan kepada sistem TVET untuk membentuk generasi yang berkebolehan dalam kepimpinan.

Penceramah yang diundang bagi menyampaikan seminar ini adalah Tuan Haji Ghazlan bin Ghazali, mantan Pengarah CIAST dan Dr. Mohd Rozi bin Ismail daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Cawangan Kota Bharu, Kelantan. Peserta seminar adalah terhad kepada kakitangan CIAST, CSC seluruh Malaysia dan ILP Kota Bharu sahaja untuk bersama-sama berkongsi ilmu.

## **Majlis Amanat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**

Majlis ini telah diadakan pada 7 September 2020 bersempena dengan Mesyuarat Pengurusan CSC Bil. 2/2020, Seminar Pengurusan dan Kepimpinan TVET Dalam Norma Baru serta Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC ILP Kota Bharu.

Majlis amanat ini merupakan program yang julung kaliinya diadakan di Negeri Kelantan yang signifikan kepada keberadaan Kampus Satelit CIAST di ILP Kota Bharu. Ianya telah dilaksanakan di dalam mod dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Dalam majlis berkenaan, Tuan Haji TKP (P) telah menyampaikan segala amanat, nasihat dan panduan yang berkaitan mengenai pengurusan dan amanah yang perlu digalas dan dijalankan oleh semua pegawai yang berkhidmat di CSC seluruh Malaysia.

Beliau juga menekankan adalah menjadi satu tanggungjawab kepada warga CSC dalam melaksanakan norma kerja baharu dalam menghadapi ancaman pandemik COVID 19 yang melanda seluruh negara dan dunia ketika ini. Semua warga CSC perlulah menjadi contoh kepada pengajar pelatih serta masyarakat dalam menyampaikan maklumat dalam mematuhi arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan kerajaan untuk mengekang penyebaran wabak COVID19. Semua warga CSC perlulah sentiasa menjaga keselamatan diri bersandarkan norma-norma baharu yang digariskan dalam menjalankan tugas dan kehidupan seharian.



Sesi bergambar

## **Lawatan Kerja Pengurusan CIAST Ke CSC ADTEC Batu Pahat**

Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC ADTEC Batu Pahat adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Kampus Satelit CIAST. Lawatan kerja diadakan sempena dengan Mesyuarat Pengurusan CSC Bil 1/2020.

Lawatan kerja ini telah diadakan pada 25 Februari 2020 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Latihan) ADTEC Batu Pahat, En. Ismail bin Sukeeman dan dihadiri oleh Pengarah CIAST, Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman, En. Mohamad Ghazali bin Udin (CIAST), Ts. Dr. Nurul Amin bin Badrul (CIAST), Tn. Hj. Zaidi bin Md Yusuf (ADTEC Batu Pahat), En. Noorajla bin Abdul Jalil (CSC ADTEC Batu Pahat), Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin (CIAST) dan Pn. Siti Nur Khasikin binti Kaliman (ADTEC Batu Pahat).

## **Lawatan Kerja Pengurusan CIAST Ke CSC IPG Bandar Enstek**

Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC IPG Bandar Enstek, Negeri Sembilan adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Kampus Satelit CIAST. Lawatan kerja ini telah diadakan pada 24 Ogos 2020 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Latihan) CIAST, En. Jamil bin Yahya dan dihadiri oleh Pn. Roslin Binti Basri (CIAST), Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin (CIAST), Kapten Tc. Mohd Nasirwan bin Mohamad Anas, En. Baharil Ihzan bin Onn (CSC IPG Bandar Enstek), En. Adnan bin Ahamad Zamari (CSC IPG Bandar Enstek).

Lawatan kerja bertujuan membincangkan perbincangan dua hala CIAST-IPG Bandar Enstek serta perkara-perkara berbangkit yang lain dan perjumpaan bersama pengajar pelatih CSC IPG.



Penyampaian hadiah

## **Lawatan Kerja Pengurusan CIAST Ke CSC ILP Marang**

Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC ILP Marang, Terengganu adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Kampus Satelit CIAST. Lawatan kerja ini telah diadakan pada 2 September 2020 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan) CIAST, En. Mohamad Ghazali bin Udin dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Latihan) ILP Marang, En. Mohd Lazim bin Mat Lazi, Pn. Haryati binti Omar (CIAST), Puan Fardila binti Azman Lingam (CSC ILP Marang) dan beberapa lagi wakil daripada ILP Marang.

Lawatan kerja bertujuan membincangkan perbincangan dua hala CIAST-ILP Marang serta perkara-perkara berbangkit yang lain serta perjumpaan bersama pengajar pelatih CSC ILP Marang.

## Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC ILP Kota Bharu

Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC ILP Kota Bharu, Kelantan adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Kampus Satelit CIAST. Lawatan kerja ini telah diadakan pada 8 September 2020 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JPK, Tn. Hj. Suimi bin Abd Majid dan dihadiri oleh Pengarah CIAST, Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman, En. Mohamad Ghazali bin Udin (Timbalan Pengarah CIAST), En. Mohd Bakif bin Ismail (Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan), En. Sukri bin Musa (CSC ILP Kota Bharu), Pn. Roslin Binti Basri (CIAST), Ts. Shahlisa Cheah binti Shihabudin (CIAST), Kapten Tc. Mohd Nasirwan bin Mohamad Anas (CIAST) dan wakil ILP Kota Bharu. Lawatan kerja bertujuan membincangkan perbincangan dua hala CIAST-ILP Kota Bharu serta perkara-perkara berbangkit yang lain.



Sesi bergambar

## Lawatan Kerja Pengurusan CIAST Ke CSC IKBN Kemasik

Lawatan Kerja Pengurusan CIAST ke CSC IKBN Kemasik, Terengganu adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Kampus Satelit CIAST.

Lawatan kerja ini telah diadakan pada 15 September 2020 dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Latihan) CIAST, En. Jamil bin Yahya dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, En. Mohd Hafeez bin Hussein, Ketua Cawangan Hubungan Industri, Tn. Hj. Fahmi Abdul Basit bin Hj. Mahfuz, Kapten Tc. Mohd Nasirwan bin Mohamad Anas (CIAST), En Ismail bin Idris (CSC IKBN Kemasik) dan En. Ruzaimi bin Wahid (CSC IKBN Kemasik) serta wakil daripada IKBN Kemasik.

Lawatan kerja bertujuan membincangkan membincangkan perkembangan prestasi semasa kerjasama antara kedua belah pihak iaitu CIAST dan IKBN Kemasik dan potensi penambahbaikan bagi memperkuuhkan lagi Kerjasama sebagai penyedia latihan kemahiran negara.

## Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama JPK dan IPGM

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama JPK dan IPGM telah diadakan pada 24 Ogos 2020 bertempat di Kampus Satelit CIAST (CSC) IPG Bandar Enstek. Mesyuarat berkenaan telah diadakan bagi membincangkan kerjasama di antara Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran JPK, Tn. Hj. Zaihan bin Shukri dan telah dihadiri oleh Timbalan Rektor IPGM, Dr. Mohd Nasrudin bin Basar; Pengarah IPGKPT, En. Romai Noor bin Rabbu; Pengarah Bahagian Pembangunan Kerjasama Strategik JPK, Pn. Faizah binti Harun; Timbalan Pengarah (Pengurusan Latihan) CIAST, En. Jamil Bin Yahya; Timbalan Pengarah (Pengurusan Pembangunan) CIAST, En. Mohammad Ghazali Bin Udin; Wakil Ketua Program PPK, Puan Roslin binti Basri; Ketua Penyelaras CSC IPG, En. Baharil Ihzan bin Onn dan wakil-wakil daripada JPK, IPGKPT dan CIAST.

IPGM melalui IPGKPT bekerjasama bagi Program CSC merangkumi fasiliti latihan, penginapan dan lain-lain kemudahan yang boleh digunakan secara bersama mengikut keperluan bagi menempatkan pengajar pelatih atau peserta kursus CIAST di IPGKPT yang terpilih dan serta program-program latihan jangka pendek CSC di IPGKPT.



Sesi bergambar

# PENCAPAIAN

# Inovasi dan Kreativiti

CIAST meneruskan kecemerlangannya dalam **penyertaan beberapa pertandingan dan pameran berkaitan inovasi dan kreativiti** dalam dan luar negara. Bagi tahun 2020, CIAST telah menyertai beberapa pertandingan inovasi.

## **Innovation And Invention Competition Through Exhibition (iCompEx 2020)**

24-26 Mac 2020 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Kedah  
Pertandingan secara virtual - memenangi pingat emas

### **Smart Welding Jig (SWJ)**

Smart Welding Jig (SWJ) merupakan salah satu projek inovasi yang direkabentuk dan dihasilkan bagi tujuan penambahbaikan terhadap rekabentuk welding jig sedia ada untuk menghasilkan jig serbaguna yang mampu memegang benda kerja dalam semua 27 posisi kimpalan. Beberapa aksesori digabungkan untuk penghasilan SWJ berdasarkan perbincangan kumpulan dan pemerhatian proses kimpalan yang berkaitan. Komponen utama yang telah ditambah baik adalah penyesuaian putaran atau putaran yang membolehkan bahan kerja berputar mengikut kedudukan diperlukan.

Kelebihan SWJ adalah pada pengapit dwitindakan yang digunakan, ianya diaplikasikan untuk memegang benda kerja dengan tetap dan kemas disamping berkebolehan untuk diputarkan mengikut paksi dan sudut keperluan kimpalan. Ketergantungan pada aksesori tambahan untuk menahan benda kerja dalam pelbagai posisi telah dihapuskan sepenuhnya. Penggunaan pengapit tambahan juga tidak diperlukan lagi kerana SWJ sendiri mempunyai pengapit ganda yang cukup kuat untuk menahan benda kerja.

Secara ringkasnya, SWJ mampu memegang benda kerja di semua kedudukan kimpalan yang diperlukan berbanding dengan jig kimpalan yang ada yang dapat menahan benda kerja hanya pada beberapa posisi sahaja. Dengan terhasilnya SWJ, proses kimpalan dapat berlaku dengan mudah berikutan benda kerja boleh dipegang dengan kemas hanya menggunakan SWJ sahaja bagi kesemua posisi kimpalan dalam satu peralatan, pelaksanaan latihan lebih mudah dan menjimatkan masa terutamanya masa untuk membuat penetapan sebelum proses kimpalan dilakukan.



Sesi rakaman video untuk penilaian secara virtual

## International Summit On Innovation & Design Exposition 2020 (InSIDE2020) di Universiti Malaysia

### Smart High Voltage Battery Training Kit (SHiBaT)

Kumpulan INSIDE CIAST 2020 telah menyertai **International Summit of Innovation and Design Exposition 2020 (InSIDE2020)** anjuran kolaborasi MESTECC-IM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan projek Smart High Volatge Battery Training Kit (SHiBaT). Pada 24 April 2020, SHiBaT telah diumumkan merangkul pingat Platinum dan melayakkannya untuk terus ke fasa kedua pertandingan. Seterusnya, SHiBaT telah dinobatkan sebagai pemenang '**BEST INNOVATOR FOR NON-ACADEMICIANS**' pada 22 Mei 2020.

Peningkatan jumlah kenderaan elektrik dan hibrid secara tidak langsung memangkinkan peningkatan permintaan terhadap servis kenderaan tersebut. Ini membuka peluang pekerjaan baharu bagi belia dan tenaga mahir di Malaysia. CIAST mengambil peluang ini membangunkan bengkel Hybrid and Electrical Vehicle Technology yang bertujuan untuk melatih pelajar, pengajar serta tenaga mahir secara optimum dalam persekitaran yang lebih kondusif dalam teknologi kenderaan hibrid.

SHiBaT adalah akronim bagi Smart High Voltage Battery Training Kit. Ia merupakan kit latihan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran teknologi kenderaan hibrid. Bateri ini bervoltan tinggi dan risiko renjatan elektrik kepada pengendali adalah tinggi. Disamping itu juga, lokasi letaknya bateri HV adalah tidak ergonomik bagi tujuan latihan. Oleh itu, kit latihan ini dapat meningkatkan keselamatan dan keberkesanan pengendalian bateri HV kenderaan hibrid. Impak projek SHiBaT adalah peningkatan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran teknologi hibrid, peningkatan bilangan peserta, penjimatkan kos, pengurangan tenaga kerja, prosedur yang lebih selamat dan seragam, pengurangan masa kendalian dan peningkatan produktiviti. Selepas pelaksanaan projek, sasaran telah berjaya dicapai dan faedah luar jangka telah diperolehi.



Ahli kumpulan menerima sijil dari Pengarah CIAST

# Pengiktirafan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) kepada Tenaga Pengajar CIAST

Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu agenda nasional bagi tahun 2020 di mana ia akan menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing. JPK merupakan agensi awam utama yang menerajui kemahiran di negara ini memainkan peranan penting dalam memartabatkan TVET di Malaysia.

Sehubungan itu bagi meningkatkan keberkesanan dan kepercayaan orang ramai serta industri terhadap pengajar dan pegawai JPK dalam menerajui TVET ini, satu usaha menaik taraf kompetensi pengajar dan pegawai JPK telah dilaksanakan oleh CIAST bagi memastikan mereka mendapat pengiktirafan selayaknya daripada badan profesional.

MBOT merupakan badan yang bertanggungjawab mendaftar graduan teknologis dan juruteknik untuk diiktiraf sebagai Professional Technologists, Graduate Technologist, Certified Technicians dan Qualified Technician. Memandangkan MBOT mengiktiraf TVET sebagai salah satu cabang teknologis yang membantu pembangunan negara maka CIAST telah menyelaras satu aktiviti bagi menjayakannya.

Beberapa siri temuduga telah diadakan sama ada secara fizikal ataupun maya di mana sehingga kini seramai 65 orang pegawai CIAST dan JPK telah berjaya diiktiraf sebagai teknologis dengan pecahan seperti jadual di bawah:

	<b>Permohonan</b>	<b>Lulus dan Diiktiraf</b>
<b>Professional Technologists (Ts.)</b>	53	53
<b>Qualified Technician (Tc)</b>	12	12
<b>JUMLAH</b>	<b>65</b>	<b>65</b>

**Jadual 15:** Bilangan teknologis mengikut pecahan



Menunggu sesi temuduga

# Pengiktirafan CIAST sebagai Centre of Excellence (CoE) TVET Instructor oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Pada 3 Disember 2018, secara rasminya CIAST telah diiktiraf sebagai **Centre of Excellence TVET Instructor** oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Dengan ini CIAST sebagai satu institusi latihan kemahiran di negara ini yang diiktiraf dalam melahirkan tenaga pengajar kemahiran TVET. Pencapaian yang memberangsangkan oleh CIAST membuktikan bahawa CIAST mampu mengekalkan fungsinya sebagai penyedia latihan terunggul *Training of Trainers* melalui program-program yang telah disusun berupaya memperkasakan tenaga pengajar di Malaysia dan antarabangsa. Justeru pengiktirafan CIAST sebagai **CoE For TVET Instructor** memang tepat pada masanya.



## Konsep logo CoE

Logo ini dihasilkan dengan hala tuju yang lebih luas khususnya bagi pembangunan dan kemajuan tenaga pengajar profesional dalam bidang TVET. Logo ini juga merupakan simbol kesungguhan dan semangat untuk terus memajukan latihan lanjutan berteraskan industri berteknologi tinggi. Dengan adanya logo ini juga menandakan bahawa bermulanya era baharu kecemerlangan CIAST bermula tahun 2020 sebagai pusat latihan pengajar terunggul dalam penyediaan latihan kemahiran lanjutan berteraskan industri berteknologi tinggi masa kini dan hadapan.

Logo tersebut menggunakan tiga warna utama yang berteraskan logo CIAST iaitu merah, biru dan kuning. Warna ini melambangkan kepelbagai kaum, agama dan kebudayaan dalam usaha menyediakan latihan kemahiran lanjutan berteraskan industri berteknologi tinggi bagi membentuk jati diri tersendiri sebagai seorang tenaga pengajar profesional dalam bidang TVET.

# Pelancaran Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE) dan TVET Instructor eProfiling System (TiPS)

Pada 19 Ogos 2020 majlis pelancaran Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE) dan TVET Instructor eProfiling System (TiPS) telah berlangsung di auditorium CIAST, Shah Alam. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang Solahuddin bin Hashim yang mewakili Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Majlis tersebut juga disiarkan secara langsung melalui Facebook dan YouTube rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Majlis dimulakan dengan sesi dialog pada jam 10 pagi bersama ahli panel MySPIKE dan TiPS yang dianggotai oleh Ts. Norhisyam Bin Dasuki mewakili pasukan kerja MySPIKE dan En. Hairul Nizzat Bin Bahrin (TiPS). Sesi dialog tersebut diterajui oleh moderator Ts. Dr. Nurul Amin Bin Badrul. Para peserta dialog terdiri dari pengurus-pegawai pusat berauliah seluruh negara.

Selain sesi dialog dipentas utama auditorium, satu pasukan desk officer atau pasukan bantuan khas yang terdiri dari 34 orang pegawai dari pasukan MySPKIE dan TiPS disediakan untuk menjawab soalan berkenaan kedua-dua sistem tersebut daripada orang ramai.

Selesai majlis pelancaran, tetamu kehormat telah melapangkan masa melawat bilik pameran berkenaan sistem MySPIKE dan TiPS yang dibuka sejak awal pagi.



# Pertandingan Kemahiran

## 1. Taklimat WSMB dan WSMP Pra- Kelayakan di CIAST

Satu sesi taklimat bagi Pertandingan WSMB dan WSMP (2020) Pra Kelayakan bagi bidang 16 bidang kemahiran telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2020. Tujuan utama taklimat ini adalah untuk memberi penerangan ringkas berkaitan soalan WSMB/P Pra kelayakan kepada peserta dan jurulatih supaya mereka lebih bersedia untuk menghadap pertandingan tersebut. Seramai 1112 orang peserta dan jurulatih telah menyertai taklimat tersebut.

## 2. Latihan Intensif peserta Abilympics 2021

Latihan insentif dirancang diadakan pada 1 Ogos 2020 sehingga 31 Mei 2021. Oleh itu satu lawatan kerja ke KV Selayang bagi perbicangan latihan peserta Abilympics telah diadakan pada 25 Ogos 2020 yang terdiri daripada 5 orang pegawai CIAST.

## 3. Pertandingan WSMB/P

Mesyuarat kerja pemurnian soalan pertandingan Worldskills Malaysia Belia dan Pengajar tahun 2021. Di adakan pada 2 hingga 5 Oktober 2020 bertempat di The Straits Hotel & Suites, Melaka.

## 4. Program Kem Motivasi Peserta Negara ke WorldSkills ASEAN Singapore 2020

Program diadakan pada 17 hingga 20 Februari 2020 bertempat di Sri Damai Resort, Selangor dan pada 25 hingga 27 September 2020 di Agrotek Garden Resort, Selangor

## 5. Latihan Peserta Negara ke WorldSkills ASEAN Singapore 2020

Para peserta yang mewakili negara untuk pertandingan WorldSkills ASEAN telah menjalani latihan pusat di CIAST. 12 peserta yang menyertai 6 bidang iaitu Beauty Theraphy, Mechatronic, Automobile Technology, Hairdressing, Web Design dan IT Network System Administration.

# Kajian Kebolehpasaran Graduan CIAST 2020

Bagi mengukur tahap keberkesanan keluaran graduan CIAST, Unit Penyelidikan dan Inovasi, CIAST telah membuat analisa terhadap maklumbalas graduan keluaran tahun 2020. Maklumbalas diperolehi melalui sistem SKPG. Sistem dibuka selama 4 bulan bermula Ogos sehingga Disember 2020. Statistik yang diperolehi ini dijangka dapat dijadikan kayu pengukur status kebolehupayaan graduan-graduan CIAST. Hasil kajian ini juga bertujuan membantu pihak CIAST dalam merangka strategi untuk mengukuhkan lagi sistem penyampaian pembelajaran dan kurikulum serta mencari jalan untuk meningkatkan keyakinan majikan dalam menerima graduan CIAST di organisasi mereka.

## Tahap Kebolehpasaran Graduan CIAST

Daripada maklumbalas yang diterima, **seramai 413 (67.15%)** graduan telah mendapat pekerjaan, **49 (7.97%)** melanjutkan pengajian, **3 (0.49%)** meningkatkan kemahiran, **22 (3.58%)** menunggu penempatan pekerjaan dan **128 (20.81%)** graduan belum bekerja.

## Sektor Pekerjaan Graduan


Kajian bagi sektor pekerjaan graduan adalah terbahagi kepada tujuh (7) kategori. Maklumbalas yang didapati menunjukkan sebanyak **64.41%** graduan bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) dan diikuti **18.80%** graduan bekerja sendiri. Taburan sektor pekerjaan graduan adalah seperti dalam Jadual 16

TARAF PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS
Bekerja sendiri	73	17.68
Majikan	10	2.42
Pekerja kerajaan	34	8.23
Pekerja swasta (termasuk NGO)	266	64.41
Freelance	10	2.42
Bekerja dengan keluarga (upah/gaji)	16	3.87
Bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)	4	0.97
<b>Jumlah</b>	<b>413</b>	<b>100</b>

**Jadual 16:** Sektor Pekerjaan Graduan CIAST 2020

# **JARINGAN WARGA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT**

## Kelab Kakitangan CIAST (KKC)



Kelab Kakitangan CIAST (KKC) **ditubuhkan pada 29 September 2000** dan telah mendapat kelulusan pendaftaran di bawah **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 2 Ogos 2001.**

### Ahli Jawatankuasa 2019 / 2021:

<b>Pengerusi</b>	:	En. Maznizam Bin Mansor
<b>Naib Pengerusi</b>	:	En. Azhar Bin Abidin
<b>Setiausaha</b>	:	En. Ganesan a/l V.Murugesu
<b>Naib Setiausaha</b>	:	Pn. Ainin Nisak Binti Ahmad Asnawi
<b>Bendahari</b>	:	En. Mohd Norazlinshah Bin Mohd Salleh
<b>Penolong Bendahari</b>	:	Pn. Norhaslina Binti Abu Hassan
<b>Biro Eknomi</b>	:	En. Halim Bin Abdullah
<b>Biro Sosial &amp; Rekreasi</b>	:	En. Muhammad Shafiq Bin Abdullah
<b>Biro Sukan</b>	:	En. Mohd Shalahuddin Bin Mohamed Mokhtar
<b>Biro Kebajikan</b>	:	Pn. Nor Salisah Binti Mohd Nasir
<b>Biro Pembangunan Insan</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Hussain
<b>Biro Penerangan</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Juruaudit 1</b>	:	En. Hamdan Bin Hashim
<b>Juruaudit 2</b>	:	En. Asrin Husairi Bin Abdul Halim

Bilangan ahli KKC yang aktif pada akhir 2020 ialah seramai 239 orang.

### Berikut ialah aktiviti KKC sepanjang tahun 2020:

Mesyuarat jawatankuasa induk telah diadakan sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2020 iaitu pada 26 Jun 2020, 1 Oktober 2020, 6 Januari 2021 dan 19 Februari 2021.



Mesyuarat Tahunan KKC 2019/2020 telah diadakan secara dalam talian pada **10 Jun 2020**, Seramai 130 orang ahli telah menghadiri mesyuarat ini.



## Tabung CIAST Prihatin

Berikut adalah Senarai sumbangan kepada ahli sepanjang 2020 – 2021

1. Pn. Norisah Bt Bunyaman (Kemasukan Wad)
2. Pn. Normah Binti Mohd Yusof (Pemergian Ayahanda)
3. Pn. Nozie Mazzuana Binti Md Arof (Pemergian Ibunda)
4. En. Maznizam Bin Mansor (Pemergian Ayahanda)
5. Pn. Latifah Binti Saad (Kemasukan Wad)
6. En. A. Rahim Bin Sori (Pemergian Ayahanda)
7. Cik. Mazia Idawati Binti Mamat (Pemergian Ayahanda)
8. En. Suthan Raj a/l Rajan (Kemasukan Wad)
9. Pn. Fatin Kamalia Bt Jamaludin (Pemergian Ayahanda)



## Aktiviti Keagamaan Bersama Jawatankuasa Surau CIAST

### Bacaan Al-Quran mingguan di Surau CIAST

Surau telah mulakan bacaan Al-Quran setiap hari jumaat secara bertalaqi dan membaca maksud ayat agar pembaca lebih memahami isi kandungan ayat. Kehadiran pelajar sangat menggalakkan. Jadual program adalah setiap hari jumaat dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.30 pagi. Program terpaksa ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covic-19 dan program akan diteruskan apabila masalah ini selesai.

Tadarus Al-Quran secara maya semasa bulan Ramadhan KKC dengan kerjasama Jawatankuasa surau telah membuat inisiatif yang baik dengan mengadakan bacaan Al-Quran secara maya. Dengan kelengkapan perhubungan yang canggih, program dapat dijalankan dengan baik dan sambutan sangat baik antara pegawai CIAST.

### Bacaan Yasin dan Tahlil

Bacaan Tahlil dan Surah Yassin telah dijalankan di Program masing masing dengan mengamalkan penjarakan. Ia sedikit sebanyak mengeratkan tali persaudaraan antara pegawai.



## Sumbangan Facemask

Sumbangan Facemask kepada pegawai CIAST

Kelab Kakitangan CIAST (KKC) menyumbangkan facemask sebanyak 2,000 keping secara percuma kepada semua warga CIAST bagi mematuhi arahan kerajaan sepanjang PKPB. Sumbangan telah diserahkan kepada Tuan Pengarah CIAST pada 19 Mei 2020.

Sumbangan Facemask kepada pelajar-pelajar CIAST

Kelab juga tidak ketinggalan dalam memberi sumbangan facemask kepada pelajar-pelajar CIAST. Majlis penyerahan facemask telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah dan Pengerusi KKC pada 14 Ogos 2020 di Bilik Kuliah 24.



### Sumbangan untuk mangsa banjir

Sumbangan untuk mangsa banjir fasa pertama berbentuk barang keperluan harian dan wang tunai RM500 telah diserahkan kepada NGO Yayasan Ustaz Al Amin yang akan membuat bantuan di negeri Pahang pada hari esok insya Allah. Sumbangan wang tunai juga telah diserahkan kepada PSH CSC IKBN Kemasik dan PSH ADTEC Jerantut yang terlibat dengan banjir melalui penyelaras CSC masing-masing.



### Sumbangan untuk pegawai bukan Islam yang menyambut hari kebesaran

Kelab juga berkomited dalam memberikan sumbangan kepada ahli-ahli kelab yang bukan beragama Islam semasa hari kebesaran mereka seperti Deepvali, Hari Natal dan Tahun Baru Cina.



## **Hadiah Kepada Pegawai Bersara / Berpindah / Bertukar**

Kelab Kakitangan CIAST tidak dapat mengadakan Majlis Perpisahan kepada pegawai yang bersara pada tahun 2020 disebabkan oleh SOP COVID-19. Walau bagaimanapun, bagi menghargai jasa mereka ke perkhidmatan awam dan CIAST, KKC telah menyerahkan hadiah bagi semua ahli yang bersara tahun 2020. Seramai 9 orang ahli telah diberi hadiah bersara seperti berikut:

Pn. Roslinda Binti Daud, Pn.Rahimah Binti Abdul Hamid, En.Tukimin Bin Solehan, Pn.Norhayati Binti Othman, Pn. Rogayah Binti Supian, En. Ab Halim Bin Muhammad, En. Mohd Zulkafli Bin Muhammad, En. Mohd Bukhori Bin Ahmad, En. Ahmad Rosdan Bin Muhammad Ishak.

KKC juga telah menyediakan hadiah untuk ahli-ahli yang telah berpindah ke jabatan lain. Seramai 14 orang ahli telah menerima hadiah kenangan daripada KKC seperti berikut:

En. Faisal Bin Mat Ali, Pn. Qamariatul Arifah Binti Kamarudin, Pn. Sharina Binti Mohd Said , Pn. Nurul Saniah Binti Mohd Sahlan, Pn. Nor'ayana Bt Mokhtar, En. Nuzul Ridzuan Bin Padzil, Pn. Nur Hazia Binti Abdul Aziz, Pn. Nor Azua Binti Aripin, Pn. Hamimah Bt Mamat, En. Ya'akub Bin Saad, En. Muhamad Ezzas Bin Abu Bakar, En. Noorajla Bin Abdul Jalil, En. Rohaizat Bin Ramli, Pn. Zanariah Binti Salleh, En. Hamdan Bin Hashim

## **Kursus Online**

Bagi memperkasakan latihan kemahiran, KKC tidak ketinggalan menganjurkan Kursus Online kepada warga TVET. Pada tahun ini KKC telah menganjurkan Kursus INTRODUCTION TO EMBEDDED C PROGRAMMING USING STM32 ARM PROCERSSOR pada 3, 6 dan 9 Februari 2021. Seramai 60 orang peserta dari bidang elektronik dari seluruh Malaysia telah menyertai kursus ini yang diadakan secara online. Kursus percuma ini dianjurkan dengan kerjasama Pakar Elektronik Negara En. Ismail Bin Adam dari UniKL BMI.

## **Hadiah Saguhati Kepada Ahli**

KKC tidak dapat mengadakan "Family Day" bagi sesi 2019-2021 memandangkan pandemik COVID-19. Keadaan PKPP/PKPB/PKP yang tidak menentu menyukarkan lagi perancangan "Family Day" dan lain-lain majlis. Oleh yang demikian, jawatankuasa KKC telah memutuskan untuk menyediakan hadiah kepada semua ahli yang bersesuaian dengan "Online teaching". Sebanyak 4 jenis hadiah telah dicadangkan dan ahli diberi peluan untuk memilih hadiah yang mereka ingini melalui satu survey. Seramai 239 orang ahli telah disediakan hadiah.

## PUSPANITA CIAST

### Aktiviti PUSPANITA CIAST sepanjang tahun 2020

11 Januari Program Khidmat Komuniti PUSPANITA CIAST Prihatin dengan kerjasama pelajar-pelajar VTO CIAST dalam pengumpulan pakaian dan barang terpakai melibatkan seramai 5 ahli PUSPANITA CIAST dan 20 pelajar VTO.



25 Februari. Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 PUSPANITA Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah Alam Selangor telah diwakili seramai 3 ahli PUSPANITA CIAST.



10 Mac. Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan KSM Kali Ke-37 bertempat di Auditorium Aras 5 Blok D8 Kompleks D Putrajaya telah dihadiri seramai 9 ahli.



10 April Sesi Khatam Al-Quran Dihati Siri Ke-3 yang disertai seramai 34 ahli.

10 April Mula Al-Quran DiHati Siri Ke-4 sepanjang tempoh PKP dan Ramadhan disertai seramai 28 ahli

31 Ogos Sesi Khatam Al-Quran Dihati Siri Ke-4 yang disertai seramai 28 ahli.

19 September Mula Al-Quran DiHati Siri Ke-5 yang disertai seramai 35 ahli

4 September Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) 2020

26 September Program Kelestarian "Selangorku Indah" di Tapak Semaian Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang dianjurkan oleh PUSPANITA Negeri Selangor telah diwakili seorang ahli.



30 Oktober Pemilihan Jawatankuasa PUSPANITA CIAST 2021/2023 melalui google form.

23 Disember Hebahan pendaftaran dan pengemaskinian keahlian PUSPANITA

Sepanjang tahun

PUSPANITA CIAST telah memberi sumbangan sebanyak RM200.00 kepada badan/agensi seperti berikut :

1. Tabung bantuan Bencana Muamalat.
2. Bantuan Rawatan Kanser Adik Mia

Serahan Cenderamata kepada 2 ahli yang berpindah dan 2 yang berpencen.

Pn. Rogayah - bersara wajib

Pn. Hamimah - pindah kenaikan pangkat

Pn. Nor Azua Aripin - pindah kenaikan pangkat

Sepanjang tahun

Hebahan pemakaian pakaian seragam PUSPANITA setiap hari Khamis minggu pertama awal bulan.



Sepanjang tahun

Promosi aktiviti PUSPANITA CIAST di Whatsapp group, Facebook dan e-mel. Ucapan hari kelahiran melalui whatsapp group puspanita ciast.

Sepanjang tahun

Ucapan sambutan perayaan Malaysia

## Jawatankuasa Surau CIAST

Senarai Jawatankuasa Surau CIAST bagi tahun 2020 adalah seperti berikut;

<b>Penaung</b>	:	Dr. Mohamad Bin Sulaiman
<b>Pengerusi</b>	:	En. Ahmad Zahiri Bin Abdul Kadir
<b>Timbalan Pengerusi</b>	:	En. Mohamad Asrofi Bin Muslim
<b>Imam</b>	:	En. Wan Mohammed Azmi Bin Md Seman En. Maznizam Bin Mansor
<b>Setiausaha</b>	:	En. Ahmad Zaki Bin Ali Hussin
<b>Bendahari</b>	:	En. Muhammad Nooradzam Bin Adam
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	:	En. Mohd Noor Azlan Bin Mohamed Sidek En. Hafiz Bin Saad En. Mohd Rafizie Bin Rahajidir

Aktiviti sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut;

Bacaan Fadilat Hadis selepas solat Zohor berjemaah di surau CIAST



Tadarus Al-Quran secara maya semasa bulan Ramadhan dengan kerjasama Kelab Kakitangan CIAST (KKC) dan PUSPANITA CIAST.

PKP (COVID 19)

Majlis Tadarus Al Quran secara maya  
Tarikh: 8 Mei 2020 (Jumaat)  
Masa: 11 pagi  
Medium: video conferencing (Cisco Webex)  
Surah: bermulai dengan Surah Al Kahfi

#DUDUHANTARULAH  
#DUDUHANTARULAH

(5) Mereka sekali-kali tidak mempunyai pengalaman tentang hal ini, begitu pula mereka mungkin merasakan hal ini kerana kata-kata yang keluar dari mulut mereka, mereka tidak mengatakan (sesuatu) kecuali dia. (6) Maka (apakah) barangkali kamu akan membual dengan kamu karena berlalu hari setelah hari berselang? (7) Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang di atas bumi sebagai perlindungan bagi mereka, agar Kami menuntut mereka stana takah di antara mereka van

Hafiz Saad

riza ismail

maznizam mansor (host)

Sarizan

Iskandar

azhr abidin

# Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2019/2020



## Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST 2019/2020

<b>Penaung</b>	:	En. Baharil Ihzan Bin Onn
<b>Penasihat</b>	:	Pn. Suraya Binti Ali
<b>Presiden</b>	:	Lukman Nuhakim Bin Ramli
<b>Timbalan Presiden Lelaki</b>	:	Mohd Jabir Said Bin Mustafa Maarop
<b>Timbalan Presiden Wanita</b>	:	Nurul Sharmila Binti Mohamad Duri
<b>Setiausaha</b>	:	Nurul Huda Binti Mohd Zainul
<b>Bendahari</b>	:	Muhammad Alhakim Bin Rosman
<b>Biro Kebajikan</b>	:	Mohd Hairul Nizam Bin Syamsuddin
<b>Biro Disiplin</b>	:	Johari Bin Kamaludin
<b>Biro Kerohanian</b>	:	Muhammad Ridzuan Hafiz Bin Harun
<b>Biro Sukan</b>	:	Tengku Amirthafizie Bin Tengku Rahim

Senarai aktiviti sepanjang tahun:



Program Suaikenal Pelajar  
Baru Sesi Januari  
pada 9-10 Januari 2020.



Serahan pakaian terpakai  
bersama PUSPANITA CIAST



Program gotong-royong CIAST pada 1 Februari 2020.



Aktiviti sukan pelajar VTO, DKM dan DLKM pada 11-21 Februari 2020



Aktiviti di surau CIAST selepas solat Maghrib pada Jan- Mac 2020



Membantu pelajar yang memerlukan bantuan semasa PKP dengan kerjasama CIAST



Pameran sempena majlis pelancaran MYSPIKE dan TiPS pada 19 Ogos 2020.



Program Suaikenal Pelajar Baru Sesi September pada 10-11 September 2020.

# Kerjasama CIAST dan Industri

## Aktiviti Kerjasama antara CIAST Dengan Scientific Technology Products Sdn. Bhd.

Mesyuarat Joint Management Meeting (JMC) antara CIAST dan Scientific Technology Products Sdn. Bhd telah diadakan pada 13 Mac 2020 jam 9.30 pagi di Global Business & Convention Centre Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat ini diadakan susulan dari MoU yang telah ditandatangani pada 21 Oktober 2019.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat ialah mesyuarat mencadangkan agar mesyuarat (JMC) ini diadakan 2 kali setahun iaitu Mac dan November setiap tahun bagi membincangkan kerjasama dan bentuk aktiviti yang boleh dijalankan antara kedua-dua organisasi ini.

Pengarah CIAST telah memaklumkan hasrat supaya fasiliti Smart Classroom yang telah disumbangkan di CIAST digunakan secara maksimum bagi meningkatkan kemahiran pengajar dalam kaedah penyampaian menggunakan teknologi IR 4.0 melalui cabang latihan berikut:-

- a. Program Train the Trainers untuk pengajar seluruh Malaysia dan antarabangsa.
- b. Program latihan dibawah pembiayaan dari Japan International Cooperation Agency (JICA).
- c. Program-program untuk persijilan antarabangsa.

Pada Tahun 2020, 6 aktiviti berbentuk kursus dan demonstrasi telah dijalankan dan melibatkan sejumlah 149 orang peserta.



Demonstrasi smart classroom

## Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Majlis menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diadakan pada 21 Februari 2020 di Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Wilayah Persekutuan Putrajaya. Nota kerjasama ini diadakan bertujuan mewujudkan kerjasama bagi melaksana Program Latihan Kemahiran Kenderaan Konvensional, Hibrid dan Elektrik untuk Pegawai Penyiasat Kebakaran JBPM.

Antara aktiviti yang dirancang ialah seperti berikut:-

1. Melaksana Siri Kursus Kenderaan Konvensional, Hibrid dan Elektrik kepada Pegawai Penyiasat Kebakaran JBPM seluruh Malaysia.
2. Melaksana khidmat nasihat berkenaan kenderaan konvensional, hibrid dan elektrik serta membantu Pegawai Penyiasat Kebakaran JBPM dalam menyelesaikan masalah berkaitan kebakaran kenderaan.
3. Perkongsian tenaga pakar antara JBPM dan CIAST berkenaan teknologi kenderaan.
4. Mempromosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pentaulahan Pencapaian Terdahulu kepada Pegawai JBPM yang terlibat.

Pada Tahun 2020, CIAST telah menganjurkan sebanyak 1 kursus untuk pegawai JBPM yang melibatkan seramai 10 orang peserta.

Pada Tahun 2021, CIAST dan JBPM merancang untuk mengadakan sebanyak 4 siri kursus untuk 40 orang pegawai dari JBPM seluruh Malaysia.

Kerjasama ini akan berlangsung selama 5 tahun bermula 21 Februari 2020 sehingga tahun 2025. Setiap tahun dianggarkan sebanyak 4 siri latihan kemahiran kenderaan konvensional, hibrid dan elektrik akan dijalankan melibatkan seramai 40 orang pegawai.

CIAST juga berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan kepakaran teknikal kepada JBPM berkenaan penyiasatan kebakaran dan keselamatan kenderaan konvensional, hibrid dan elektrik sekiranya diperlukan.



Penerangan oleh En. Hairul Shah

## **Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP) dengan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi Khidmat Rundingan & Kepakaran Teknikal Berkaitan Penghasilan Spesimen/Produk Dan Analisis Instrumen**

Majlis menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP) dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah diadakan pada 18 September 2020 di Bilik Mesyuarat Utama KSM, Aras 1, Blok D4, Kompleks D, Putrajaya. Nota kerjasama ini diadakan bertujuan mewujudkan kerjasama dalam bentuk Khidmat Rundingan dan Kepakaran Berkaitan Penghasilan Spesimen/Produk dan Analisis Instrumen.

Kerjasama ini mampu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai CIAST dan JKKP dalam menghasilkan spesimen/produk serta menjalankan analisis instrument.

Tempoh kerjasama adalah 24 bulan daripada tarikh nota kerjasama ini ditandatangani pada 18 September 2020.

Antara aktiviti yang telah dilaksana tahun ialah khidmat Rundingan Teknikal Berkaitan Penghasilan Spesimen Menggunakan CNC Wire Cut di Bengkel Pengeluaran CIAST pada 15 Oktober 2020.



Penerangan oleh En. Mohd Zaidy

## Aktiviti Promosi dan Pameran

Sepanjang tahun 2020, CIAST telah menyertai beberapa pameran atas undangan daripada pelbagai pihak. CIAST juga telah menerima pelawat dari dalam dan luar negara yang berminat untuk mengetahui berkenaan CIAST lebih lanjut.

Beberapa aktiviti promosi ke pusat-pusat bertaualiah awam dan swasta juga telah dilaksanakan bagi memperjelaskan program-program latihan di CIAST kepada pengajar dan pelajar institut.

Bil	Nama karnival	Tarikh dan tempat	Anjuran
1	Karnival "Jom Masuk IPT 2020" Zon Johor	15-16 Februari ,Persada Johor International Convention Centre, Johor	Kementerian Pendidikan
2	Karnival "Jom Masuk IPT 2020" Zon Pahang	22-23 Februari Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Kementerian Pendidikan
3	Karnival "Jom Masuk IPT 2020" Zon Kedah	29 Februari - 1 Mac Taman Tasik Darulaman, Jitra, Kedah	Kementerian Pendidikan
4	Karnival "Jom Masuk IPT 2020" Zon Sabah	7-8 Mac 2020 Sabah International Convention Centre,Kota Kinabalu, Sabah	Kementerian Pendidikan

**Jadual 17:** Senarai pameran yang disertai 2020.



Karnival "Jom Masuk IPT 2020" Zon Pahang

## Kehadiran Pelawat tahun 2020

Bil	Pelawat	Tarikh	Tujuan
1	Prasarana Centre of Excellence (PACE), Petaling Jaya	12 Februari	Peluang Kerjasama
2	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim	13 Februari	Peluang Kerjasama
3	Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua, Selangor	19 Februari	Lawatan Sambil Belajar
4	PricewaterhouseCoopers (PwC)	20 Februari	Kajian Keluaran CIAST
5	Jabatan Perangkaan Selangor, Shah Alam.	15 Julai	Promosi Banci 2020
6	Murni International College, Nilai	27 Julai	Peluang Kerjasama
7	UniSel, Shah Alam	28 Ogos	Peluang Kerjasama
8	Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak	15 Sept	Lawatan Sambil Belajar

**Jadual 18:** Senarai pelawat 2020.



Penerangan kepada pelawat dari Politeknik Sultan Azlan Shah di bengkel Automotif.

## Aktiviti Promosi 2020

Siri taklimat berkenaan kursus-kursus anjuran CIAST telah dilaksanakan di beberapa institut iaitu KV Kajang, KV Klang, KV Melaka, KV ERT Setapak dan ILP KL



**CIAST**

## PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAST)

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Kementerian Sumber Manusia (KSM)

